

SISTEM PELAPORAN iSURIPRENEUR BAGI USAHAWAN WANITA

B40

EZREENA ARISYA BINTI JOHAR

ZULAIHA ALI OTHMAN

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

ABSTRAK

Sistem Smart Suripreneur (iSuripreneur) adalah sebuah platform untuk memperkasakan usahawan khususnya wanita B40 dalam bidang keusahawanan. Sistem Smart Suripreneur mempunyai beberapa modul antaranya adalah bisnes profil, Jualan, kewangan, pemasaran, latihan, bimbingan, dan komuniti termasuk alatan cerdas membantu usahawan membuat keputusan perniagaan, namun kekurangan sistem ini tidak mempunyai modul perlaporan. Oleh itu, projek ini bertujuan untuk membangunkan Sistem Pelaporan iSuripreneur kepada tiga pengguna utama iaitu Usahawan Wanita B40, Ketua Komuniti dan Pembimbing yang mana setiap pengguna dapat menjana laporan yang berdasarkan pengumpulan data dan penilaian prestasi aktiviti pengguna dalam sistem, dalam bentuk visual dan bercetak dalam bentuk PDF. Laporan pula dibahagikan kepada laporan ringkas dan terperinci dengan adanya pelbagai pilihan fungsi penapis yang fleksibel seperti jenis kategori dan julat masa. Laporan untuk Usahawan Wanita B40 terdiri dari menjana laporan jualan, laporan bisnes dan laporan prestasi usahawan. Penjanaan laporan jualan membolehkan usahawan B40 mendapatkan data jualan bagi perniagaan yang dimiliki pengguna termasuklah data jumlah jualan dan jualan produk bagi setiap perniagaan. Manakala, laporan pembimbing pula berupaya menjana laporan pembimbing yang dapat menilai prestasi bimbingan dan data usahawan yang dibimbing, Laporan untuk Ketua Komuniti pula untuk mengesan pertumbuhan aktiviti komuniti dan ahli komuniti dalam keusahawanan yang membantu komuniti merancang strategik untuk meningkatkan pendapatan usahawan. Pembangunan sistem pelaporan ini menggunakan metodologi Agile manakala pembangunan sistem dibangunkan menggunakan platform Laravel dan Livewire, GitLab digunakan untuk membantu pengurusan pembangunan sistem secara berkumpulan dengan cekap. Figma pula digunakan untuk mereka bentuk antara muka input, perisian pangkalan data MySQL manakala HeidiSQL digunakan sebagai antaramuka GUI bagi queri untuk menjana laporan dari pangkalan data MySQL. Projek ini telah berjaya membangunkan sebanyak lima laporan bagi memenuhi keperluan laporan kepada tiga pengguna sistem iSuripreneur. Kajian penilaian secara soal selidik dijalankan dan mendapat 21 responden dengan purata maklum balas penilaian skor 23 daripada purata skor maksimum 25. Ini membuktikan kepuasan yang tinggi daripada responden dan sistem dibangunkan dengan jayanya.

PENGENALAN


Sistem Smart Suripreneur merupakan sistem bagi individu B40 khususnya golongan wanita B40 yang berminat untuk memulakan perniagaan mereka sendiri. Bidang Perniagaan di Malaysia semakin hari semakin berkembang terutamanya dengan kemajuan dalam teknologi yang memudahkan orang ramai untuk memulakan perniagaan menggunakan pelbagai platform digital seperti Tiktok, Instagram dan Shopee yang memberi peluang kepada rakyat untuk menjana wang demi menyara hidup. Keadaan ekonomi semasa menyebabkan ramai individu khususnya wanita B40 seperti ibu tunggal dan suri rumah mencebur ke bidang keusahawanan (*Nizal, H. 2023*). Golongan ini mewakili segmen pendapatan 40% terendah, seringkali terperangkap dalam jerat ketidakseimbangan ekonomi yang ketara. Mereka menghadapi pelbagai cabaran seperti sumber kewangan dan peluang yang terhad, serta masalah kemiskinan.

Selain itu, tingginya kadar pengangguran dan pekerjaan berpendapatan rendah di kalangan wanita B40 menandakan keperluan mendesak untuk menawarkan alternatif lain yang lebih berkesan untuk memulihkan ekonomi sekaligus memberi peluang kepada golongan Wanita B40 menjana wang pendapatan demi mendapat kehidupan yang lebih selesa. Tambahan lagi, terdapat perbezaan ketara dalam kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk memahami secara menyeluruh selok-belok usaha keusahawanan. Sebilangan besar usahawan wanita yang bercita-cita tinggi daripada kumpulan B40 menghadapi cabaran dalam hal mengurus perniagaan mereka, membuat pelaburan yang bijak dan mewujudkan rangkaian yang bermanfaat untuk pertumbuhan perniagaan.

Dalam konteks ini, Sistem Pelaporan iSuripreneur menjadi semakin relevan dan penting. Ia berperanan sebagai alat yang membolehkan individu, terutamanya wanita B40, untuk melangkah ke dalam dunia perniagaan dengan keyakinan dan pengetahuan yang diperlukan. Dengan sistem ini, pengguna akan dapat mengumpul data yang relevan, menganalisis prestasi perniagaan mereka, dan menerima panduan serta sokongan yang diperlukan. Ini adalah langkah penting dalam membantu mereka memahami, mengukur, dan meningkatkan usaha perniagaan mereka, sekaligus mencipta peluang untuk kemajuan ekonomi peribadi dan perkembangan komuniti yang lebih luas. Dalam dunia yang semakin berubah dan mencabar ini, Sistem Pelaporan iSuripreneur adalah alat yang memberi daya kepada individu untuk berjaya dalam perniagaan mereka dan turut serta dalam pertumbuhan ekonomi negara.

METODOLOGI KAJIAN

Pembangunan sistem pelaporan iSuripreneur ini menggunakan model *Agile* sebagai metodologi. Metodologi ini dipilih kerana *Agile* dikenali sebagai metod yang fleksibel dalam perubahan keperluan (V. 2023). Projek ini melibatkan perubahan dalam keperluan sepanjang masa, terutamanya kerana perniagaan dan keperluan komuniti boleh berubah dengan cepat. Model Agile membolehkan penyesuaian mudah terhadap perubahan-perubahan ini. Sistem ini juga memerlukan kerjasama antara pasukan pembangunan (*developer*), pengguna iaitu usahawan B40, ketua komuniti, pembimbing dan pihak berkepentingan. Jadi, dengan menggunakan model agile, pasukan pembangunan (*developer*) dapat memahami keperluan pengguna untuk menyusun laporan yang sesuai kerana model ini mementingkan kerja berpasukan. Rajah 1.1 menunjukkan fasa metodologi Agile.



Rajah 1.1 Fasa Metodologi Agile

Fasa perancangan

Fasa ini membincangkan objektif, skop, permasalahan kajian yang menyebabkan pembangunan sistem ini. Dalam fasa perancangan ini akan berbincang terlebih dahulu keperluan projek (*requirements*) termasuklah dengan jenis laporan yang perlu ada bagi usahawan B40, ketua komuniti dan pembimbing. Ini melibatkan perbincangan antara pihak berkepentingan dan pengguna.

Fasa analisis

Fasa analisis merupakan fasa di mana keperluan laporan akan dianalisis dengan lebih terperinci. ini termasuk menentukan data yang perlu diambil, format laporan, dan cara penyampaian yang sesuai untuk pengguna bagi lebih mudah memahami laporan. Keperluan laporan akan dianalisis dengan lebih terperinci. Ini termasuk menentukan data yang perlu diambil, format laporan, dan cara penyampaian yang sesuai untuk usahawan B40 bagi lebih mudah memahami laporan.

Fasa reka bentuk

Fasa reka bentuk bertujuan untuk mewujudkan interaksi antara pengguna dan sistem. Reka bentuk laporan melibatkan reka bentuk dan format laporan yang akan dihasilkan oleh sistem. Laporan perlu disusun dengan rapi, mudah difahami, dan sesuai dengan keperluan pengguna iaitu termasuk dengan menggunakan carta, graf, dan maklumat yang terperinci. Pada fasa ini,

reka bentuk dilakukan dengan menggunakan *Figma* kerana laman web ini dapat mendemostrasikan bagaimana pengguna akan berinteraksi dengan sistem pelaporan.

Fasa pembangunan

Pada fasa ini, Sistem Pelaporan iSuripreneur akan dibangunkan dengan menggunakan kerangka kerja (framework) *Laravel* dan *Livewire*. Editor kod yang akan digunakan adalah *Visual Studio Code* bersama dengan *GitLab* bagi menguruskan projek pembangunan perisian yang memerlukan kerja berpasukan. Pangkalan data MySQL menggunakan perisian HeidiSQL untuk menguruskan dan menyimpan pangkalan data. Seterusnya, proses implementasi pengaturcaraan akan dilakukan dengan gabungan reka bentuk antaramuka.


Fasa pengujian

Fasa ini adalah fasa yang paling penting kerana ujian pengguna akhir adalah kritikal dalam projek ini. Ia membolehkan usahawan wanita B40, ketua komuniti dan pembimbing menguji sistem pelaporan untuk memastikan ia berfungsi dengan baik, iaitu sistem dapat memberi laporan yang relevan, dan mudah digunakan oleh pengguna.


KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Proses Pembangunan bagi sistem ini menggunakan HTML, CSS dan Bootstrap bagi mereka bentuk antara muka pengguna dengan penampilan yang menarik dan mudah digunakan. JavaScript juga digunakan bagi membolehkan fungsi grafik yang dinamik, pengemaskinian paparan berdasarkan tindakan pengguna, dan meningkatkan pengalaman interaktif secara keseluruhan. Manakala, pembangunan sistem ini menggunakan kerangka kerja gabungan Laravel dan Livewire serta memerlukan penyatupaduan antara pangkalan data MySQL. Pengurusan kod sumber dilakukan melalui GitLab, membolehkan kumpulan pembangun untuk bekerjasama dalam memantau perubahan kod, menguruskan cabangan (*branch*), dan melakukan semakan kod (*code review*) sebelum penggabungan kod ke dalam versi utama.

Antaramuka pengguna Sistem Pelaporan iSuripreneur ini boleh diakses dengan mod gelap seperti Rajah 1.2 dan mod cerah seperti Rajah 1.3. Rajah 1.2 dan 1.3 memaparkan dashboard/menu usahawan yang dapat diakses oleh pengguna (Usahawan B40) apabila log masuk ke dalam sistem.



Rajah 1.2 Antara Muka Menu Usahawan Mod Gelap



Rajah 1.3 Antara Muka Menu Usahawan Mod Cerah

Apabila usahawan telah log masuk sistem, mereka akan dipaparkan menu usahawan. Pengguna boleh mengakses Laporan di bahagian navigasi bar seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.3 dan mereka boleh klik laporan seperti jualan, bisnes dan usahawan bagi mencapai laporan yang berkenaan. Rajah 1.4 adalah halaman yang dipaparkan apabila pengguna klik Laporan Jualan. Laporan Jualan ini akan memaparkan data tentang jualan seperti data perniagaan, trend jumlah jualan berbentuk visualisasi graf bagi setiap perniagaan yang dimiliki pengguna dan jumlah jualan produk yang mempunyai senarai bagi produk yang dimiliki oleh setiap perniagaan. Tambahan lagi, di bahagian atas paparan laporan jualan mempunyai fungsi pilih tempoh masa dan perniagaan.

[Laporan > Laporan Jualan](#)

Laporan Jualan

SITI SALEHA BINTI AZIZ
+60192873707
usahawan@isuripreneur.com
NO 9, JALAN SD 2, TAMAN SALAK DAMAI
43900

TARIKH
16 Julai 2024



LAPORAN JUALAN

Data Perniagaan

Prestasi Perniagaan 90%


Kadar Pusing Perniagaan 80%

Kerugian Perniagaan 50%

Keuntungan Perniagaan 20%

Trend Jumlah Jualan Perniagaan

Graf Julai 2024



| TARikh | Manisnya Kek Lavaa | Snack's Yum | Tailor's By Min |
|----------|--------------------|-------------|-----------------|
| Julai 1 | 0 | 0 | 0 |
| Julai 10 | 0 | 0 | 0 |
| Julai 18 | 200 | 650 | 0 |
| Julai 30 | 0 | 0 | 650 |

Jumlah Jualan Produk

Julai 2024

| BIL. | NAMA PERNIAGAAN | NAMA PRODUK | HARGA PRODUK | JUALAN | JUMLAH JUALAN | KERUGIAN | TARIKH MULA |
|------|--------------------|----------------------|--------------|---------|---------------|----------|-------------|
| 1 | Manisnya Kek Lavaa | Kek Coklat Lava | RM 10.99 | 18 unit | RM 200.00 | RM 0 | 2024-02-20 |
| 2 | Manisnya Kek Lavaa | Kek Strawberry Lava | RM 12.00 | 0 unit | RM 0.00 | RM 0 | 2024-02-20 |
| 3 | Manisnya Kek Lavaa | Kek White Choco Lava | RM 12.00 | 0 unit | RM 0.00 | RM 0 | 2024-02-20 |
| 4 | Snack's Yum | Salmon Chips | RM 28.00 | 23 unit | RM 650.00 | RM 0 | 2024-02-18 |
| 5 | Tailor's By Min | Jahit Baju | RM 12.00 | 54 unit | RM 650.00 | RM 0 | 2024-02-11 |


KESELURUHAN JUMLAH JUALAN : RM 1,500.00

[Muat Turun Laporan](#)

2024 © Isuripreneur


Rajah 1.4 Antara Muka Laporan Jualan

Pada rajah 1.4, pengguna boleh klik fungsi *checkbox* ‘profil usahawan’ untuk memaparkan atau tidak memaparkan profil usahawan seperti nama, email, alamat dan tarikh. Tambahan lagi, nama perniagaan yang berwarna biru di bahagian ‘jumlah jualan produk’ pada rajah 1.4 boleh diklik oleh pengguna untuk memaparkan paparan aliran tunai seperti rajah 1.5. Aliran Tunai ini bagi perniagaan yang diklik oleh pengguna dan tempoh masa yang dipilih. Laporan Jualan ini akan mendapat tambahan paparan Aliran Tunai apabila pengguna klik pada nama perniagaan sahaja. Penjanaan Laporan Jualan ini menawarkan fleksibiliti kepada pengguna dengan membolehkan mereka memilih untuk memaparkan Aliran Tunai dan profil usahawan. Fungsi ini membolehkan pengguna menjana laporan yang dinamik dan sesuai dengan keperluan mereka.



Rajah 1.5 Antara Muka Aliran Tunai bagi Laporan Jualan

Setelah menjana laporan mengikut tempoh masa dan pilihan perniagaan, pengguna klik pada ‘Muat Turun Laporan’ untuk mendapatkan cetakan laporan berformat PDF seperti rajah 1.6.



Rajah 1.6 Antara Muka Laporan dalam PDF

Seterusnya, apabila pengguna klik ‘Laporan Bisnes’ di navigasi bar, sistem akan memaparkan laporan bisnes seperti rajah 1.7. Laporan bisnes ini akan memaparkan data bisnes iaitu senarai perniagaan yang didaftar oleh pengguna dan mempunyai maklumat tentang jumlah produk dan jumlah jualan bagi perniagaan. Tambahan lagi, di bahagian atas paparan laporan bisnes pengguna boleh menggunakan fungsi pilih tempoh masa dan perniagaan. Pengguna boleh klik nama perniagaan yang berwarna biru di bahagian ‘data bisnes’ untuk memaparkan paparan maklumat perniagaan seperti rajah 1.7. Maklumat perniagaan ini mempunyai maklumat terperinci bagi perniagaan yang diklik termasuklah dengan data produk dan kanvas model perniagaan (BMC).

Smart SuriPreneur

The screenshot displays the 'Laporan Bisnes' (Business Report) page from the Smart SuriPreneur platform. At the top, there's a navigation bar with links like Dashboard, Bisnes Profil, Jualan, Latihan, DSS, Bimbingan, Pemasaran, Komuniti, Rangkaian Sosial, and Cipta Komuniti Baru. A user profile icon and a notification bell are also present.

The main content area shows a profile picture of a woman and the title 'LAPORAN BISNES'. Below it, the report is dated 'Julai 2024' and is attributed to 'SITI SALEHA BINTI AZIZ' with contact information: +60192873707, usahawan1@isuripreneur.com, NO 9, JALAN SD 2, TAMAN SALAK DAMAI 43900.

The 'Data Bisnes' section lists three businesses with their details:

| BIL | NAMA PERNIAGAAN | KATEGORI PERNIAGAAN | JUMLAH PRODUK | JUALAN | JUMLAH JUALAN | TARIKH MULA |
|-----|--------------------|---------------------|---------------|----------|---------------|-------------|
| 1 | Manisnya Kek Lavaa | DESSERT | 3 produk | 18 units | RM 200.00 | 2023-05-19 |
| 2 | Snack's Yum | DESSERT | 1 produk | 23 units | RM 650.00 | 2023-07-26 |
| 3 | Tailor's By Min | MENJAHIT | 1 produk | 54 units | RM 650.00 | 2024-01-05 |

At the bottom of the report, there are summary buttons for 'KESELURUHAN', 'JUMLAH JUALAN : RM 1,500.00', and 'JUMLAH PRODUK : 5 PRODUK'. A blue button labeled 'Muat Turun Laporan' (Download Report) is at the very bottom.

Copyright © UKM is visible across the page.

Maklumat Perniagaan

 **Manisnya Kek Lavaa**

| | |
|---------------------|---------------------|
| ID Peniaga | 30 |
| ID Perniagaan | 1 |
| Sektor Perniagaan | PRODUK |
| Kategori Perniagaan | DESSERT |
| Tarikh Mula | 2023-05-19 14:12:05 |

PRODUK 1

| | |
|-----------------------|-----------------|
| Nama Produk | Kek Coklat Lava |
| Kebolehan Pengeluaran | 50 |
| Pengeluaran Secara | Minggu |
| Harga Produk | 10.99 |

PRODUK 2

| | |
|-----------------------|---------------------|
| Nama Produk | Kek Strawberry Lava |
| Kebolehan Pengeluaran | 50 |
| Pengeluaran Secara | Minggu |
| Harga Produk | 12 |

PRODUK 3

| | |
|-----------------------|----------------------|
| Nama Produk | Kek White Choco Lava |
| Kebolehan Pengeluaran | 100 |
| Pengeluaran Secara | Minggu |
| Harga Produk | 12 |

KANVAS MODEL PERNIAGAAN



```

graph TD
    subgraph KeyPartners [Key Partners]
        direction TB
        A[Pembekal bahan mentah  
JAKIM  
Syarikat penghantaran makanan]
        B[ ]
        C[ ]
    end
    subgraph KeyActivities [Key Activities]
        direction TB
        D[Menyediakan kek coklat lava dalam kuantiti yang mencukupi]
        E[ ]
        F[ ]
    end
    subgraph ValueProposition [Value Proposition]
        direction TB
        G[Kek coklat lava dengan inti coklat yang lembut dan moist]
        H[Menyuruh dan memproses pesanan pelanggan dengan cepat]
        I[ ]
    end
    subgraph CustomerRelationship [Customer Relationship]
        direction TB
        J[Menyediakan perkhidmatan pelanggan yang cepak dan membantu]
        K[Menawarkan diskain dan promosi kepada pelanggan setia]
        L[ ]
    end
    subgraph CustomerSegments [Customer Segments]
        direction TB
        M[Perminat makanan pencuci mulut]
        N[Perminat kek coklat]
        O[Pelanggam yang mencari makanan ringan untuk majlis hari jadi atau acara basirutan]
    end
    subgraph KeyResources [Key Resources]
        direction TB
        P[Bahan mentah rekaan  
Ketuhar dan peralatan dapur  
Tenaga kerja  
Kawasan penyimpanan]
        Q[ ]
        R[ ]
    end
    subgraph Channels [Channels]
        direction TB
        S[Media Sosial]
        T[Program Pameran Makanan]
        U[Program Rakan Niaga]
    end
    subgraph RevenueStreams [Revenue Streams]
        direction TB
        V[Menjual kek secara atas talian]
        W[Menjual kek secara fizikal]
        X[ ]
    end
    A --> D
    D --> G
    G --> J
    J --> M
    B --> E
    E --> H
    H --> K
    K --> N
    C --> F
    F --> I
    I --> O
    P --> S
    S --> V
    T --> V
    U --> W
    Q --> R
    R --> X
    O --> X
    N --> X
    M --> X
  
```

Cost Structure

- Bahan mentah: Kos membekal bahan yang digunakan dalam proses pembuatan
- Pembungkusan: Kos untuk bahan pembungkusan seperti kotak, label dan pelekot.
- Penyimpanan: Kos menyimpan produk di gudang atau ruang penyimpanan.
- Upah: Kos membayar gaji pekerja.

Revenue Streams

- Menjual kek secara atas talian
- Menjual kek secara fizikal

[Muat Turun Laporan](#)

Rajah 1.7 Antara Muka Laporan Bisnes

Rajah 1.8 akan dipaparkan apabila pengguna klik ‘Laporan Usahawan’ di bahagian navigasi bar. Laporan usahawan ini akan memaparkan trend pendapatan bagi setiap perniagaan, penglibatan aktiviti komuniti, pemasaran yang telah dilakukan bagi perniagaan, data latihan, data perniagaan dan data bimbingan iaitu senarai bimbingan bagi setiap perniagaan. Tambahan lagi, di bahagian atas paparan laporan usahawan mempunyai fungsi pilih tempoh masa dan perniagaan. Pengguna boleh klik nama perniagaan yang berwarna biru di bahagian ‘data pengguna’ untuk memaparkan paparan maklumat perniagaan seperti rajah 1.9. Maklumat perniagaan ini mempunyai maklumat terperinci bagi perniagaan yang diklik termasuklah dengan data produk dan kanvas model perniagaan (BMC).

[Home](#) > Laporan > Laporan Usahawan

Laporan Usahawan

Profil Usahawan Pilih Tempoh Masa

LAPORAN USAHAWAN

SITI SALEHA BINTI AZIZ
+60192873707
usahaawan@isuripreneur.com
NO 9, JALAN SD 2, TAMAN SALAK DAMAI
43900

TARIKH
17 Julai 2024

Graf semuaBulan 2024

Trend Pendapatan

| BULAN | Manisnya Kek Lavaa (Income) | Manisnya Kek Lavaa (Expenses) | Bike Service (Income) | Bike Service (Expenses) | MAMASAB AISYAH (Income) | MAMASAB AISYAH (Expenses) | Snack's Yum (Income) | Snack's Yum (Expenses) | Tailor's By Min (Income) | Tailor's By Min (Expenses) |
|-------|-----------------------------|-------------------------------|-----------------------|-------------------------|-------------------------|---------------------------|----------------------|------------------------|--------------------------|----------------------------|
| Jan | 100 | 300 | 0 | 0 | 0 | 0 | 300 | 0 | 0 | 0 |
| Feb | 600 | 480 | 0 | 0 | 0 | 0 | 480 | 0 | 0 | 0 |
| Mar | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 500 | 0 | 0 | 0 |
| Apr | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 700 | 0 | 0 | 0 |
| May | 1050 | 250 | 0 | 0 | 0 | 0 | 450 | 50 | 0 | 0 |
| Jun | 250 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 650 | 0 | 0 | 0 |
| Jul | 200 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 650 | 0 | 0 | 0 |
| Aug | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 550 | 0 | 0 | 0 |
| Sep | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 300 | 0 | 0 | 0 |
| Oct | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 300 | 0 | 0 | 0 |
| Nov | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 300 | 0 | 0 | 0 |
| Dec | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 300 | 0 | 0 | 0 |

Penglibatan dalam Aktiviti Komuniti

Jumlah Aktiviti

BIL NAMA AKTIVITI

Tiada Aktiviti Komuniti

Pemasaran

Jumlah Kempen

| BIL | TAJUK KEMPEM | PERNIAGAAN | PLATFORM | TARIKH | STA KEM |
|-----|-------------------|--------------------|----------|------------|---------|
| 1 | Promosi Raya Haji | Manisnya Kek Lavaa | Telegram | 2024-06-12 | |
| 2 | Promosi Hari Raya | Snack's Yum | Email | 2024-03-29 | |

Data Perniagaan

| BIL. | NAMA PERNIAGAAN | KATEGORI PERNIAGAAN | JUMLAH PRODUK | JUALAN | JUMLAH JUALAN | TARIKH MULA |
|------|--------------------|---------------------|---------------|-----------|---------------|-------------|
| 1 | Manisnya Kek Lavaa | DESSERT | 3 produk | 199 units | RM 2,200.00 | 2023-05-19 |
| 2 | Bike Service | Others | 0 produk | 0 units | RM 0.00 | |
| 3 | MAMASAB AISYAH | Others | 0 produk | 0 units | RM 0.00 | |
| 4 | Snack's Yum | DESSERT | 1 produk | 195 units | RM 5,480.00 | 2023-07-26 |
| 5 | Tailor's By Min | MENJAHIT | 1 produk | 54 units | RM 650.00 | 2024-01-05 |

KESELURUHAN
 JUMLAH JUALAN : RM 8,330.00
 JUMLAH PRODUK : 5 PRODUK

Data Latihan

Jumlah Latihan

| BIL. | NAMA PERNIAGAAN | KATEGORI PERNIAGAAN | TAJUK LATIHAN | TAHAP | MARKAH |
|------|-------------------------|---------------------|-------------------------------|-----------|--------|
| 1 | Logo Manisnya Kek Lavaa | DESSERT | Pengurusan Cukai Bisnes | Permulaan | 50% |
| 2 | Logo Manisnya Kek Lavaa | DESSERT | Teknik Merangka Strategi Asas | Permulaan | 0% |
| 3 | Manisnya Kek Lavaa | DESSERT | Asas Pembuatan | Permulaan | 0% |
| 10 | Snack's Yum | DESSERT | Pengurusan Cukai Bisnes | Tiada | 50% |
| 11 | Snack's Yum | DESSERT | Teknik Merangka Strategi Asas | Tiada | 0% |
| 12 | Snack's Yum | DESSERT | Asas Pembuatan | Tiada | 0% |
| 13 | Tailor's By Min | MENJAHIT | Pengurusan Cukai Bisnes | Tiada | 50% |
| 14 | Tailor's By Min | MENJAHIT | Teknik Merangka Strategi Asas | Tiada | 0% |
| 15 | Tailor's By Min | MENJAHIT | Asas Servis Dan Perkhidmatan | Tiada | 0% |

Data Bimbingan

Jumlah Bimbingan 3

| BIL. | NAMA PERNIAGAAN | NAMA PEMBIMBING | TAHAP PERNIAGAAN | TAJUK PERMASALAHAN | TARIKH & MASA | KAEDAH PEMBIMBINGAN |
|------|--------------------|--------------------------|------------------|--------------------|---------------------|---------------------|
| 1 | Manisnya Kek Lavaa | ADAM AIMAN BIN SHAH | Pra-Pembudayaan | TEST | 2023-07-25 15:22:00 | Secara Atas Talian |
| 2 | Tailor's By Min | NUQMAN BASYIR BIN RAMLAN | Pertumbuhan | tolong | 2024-04-01 16:25:00 | Secara Atas Talian |
| 3 | Snack's Yum | HIDAYAH | Pembudayaan | Bimbingan | 2024-04-19 11:34:00 | Secara Atas Talian |

Muat Turun Laporan

2024 © isuripreneur

Rajah 1.8 Antara Muka Laporan Usahawan

Data Perniagaan

| BIL. | NAMA PERNIAGAAN | KATEGORI PERNIAGAAN | JUMLAH PRODUK | JUALAN | JUMLAH JUALAN | TARIKH MULA |
|------|--------------------|---------------------|---------------|-----------|---------------|-------------|
| 1 | Manisnya Kek Lavaa | DESSERT | 3 produk | 199 units | RM 2,200.00 | 2023-05-19 |
| 2 | Bike Service | Others | 0 produk | 0 units | RM 0.00 | |
| 3 | MAMASAB AISYAH | Others | 0 produk | 0 units | RM 0.00 | |
| 4 | Snock's Yum | DESSERT | 1 produk | 195 units | RM 5,480.00 | 2023-07-26 |
| 5 | Tailor's By Min | MENJAHTIT | 1 produk | 54 units | RM 650.00 | 2024-01-05 |

KESELURUHAN JUMLAH JUALAN : RM 8,330.00 JUMLAH PRODUK : 5 PRODUK

Maklumat Perniagaan

Manisnya Kek Lavaa

| | |
|---------------------|---------------------|
| ID Peniaga | 30 |
| ID Perniagaan | 1 |
| Sektor Perniagaan | PRODUK |
| Kategori Perniagaan | DESSERT |
| Tarikh Mula | 2023-05-19 14:12:05 |

PRODUK 1

| | |
|-----------------------|-----------------|
| Nama Produk | Kek Coklat Lava |
| Kebolehan Pengeluaran | 50 |
| Pengeluaran Secara | Minggu |
| Harga Produk | 10.99 |

PRODUK 2

| | |
|-----------------------|---------------------|
| Nama Produk | Kek Strawberry Lava |
| Kebolehan Pengeluaran | 50 |
| Pengeluaran Secara | Minggu |
| Harga Produk | 12 |

PRODUK 3

| | |
|-----------------------|----------------------|
| Nama Produk | Kek White Choco Lava |
| Kebolehan Pengeluaran | 100 |
| Pengeluaran Secara | Minggu |
| Harga Produk | 12 |

KANVAS MODEL PERNIAGAAN

```

graph LR
    KP[Key Partners] --> KA[Key Activities]
    KA --> VP[Value Proposition]
    VP --> CR[Customer Relationship]
    CR --> CS[Customer Segments]
    KP --> KR[Key Resources]
    KR --> KA
    KR --> CS
    KA --> KR
    KR --> CS
    VP --> CR
    CR --> CS
    CS --> CH[Channels]
    CH --> RS[Revenue Streams]
    RS --> CS
    
```

Key Partners

- Pembekal bahan mentah: JAKIM
- Malikat pengantaran makanan

Key Activities

- Menyediakan kek coklat lava dalam kuantiti yang mencukupi

Key Resources

- Bahan mentah makanan
- Ketuhar dan perlatan dapur
- Tenaga kerja
- Kawasan penyimpanan

Value Proposition

- Kek coklat lava dengan inti coklat yang lembut dan manis!
- Mengurus dan memperbaiki pesanan pelanggan
- Menawarkan diskain dan promosi kepada pelanggan setia

Customer Relationship

- Menyatakan perkhidmatan pelanggan yang cekap dan membantu
- Menawarkan diskain dan promosi kepada pelanggan setia

Customer Segments

- Peminat makanan pencuci mulut
- Peminat kek coklat
- Pelanggan yang mencari makanan ringan untuk majlis hari jadi atau acara

Cost Structure


- Bahan mentah: Kos membekal bahan yang digunakan dalam proses pembuatan
- Pembungkusan: Kos untuk bahan pembungkusan seperti kotak, label dan pelikat.
- Penyimpanan: Kos menyimpan produk di gudang atau ruang penyimpanan.
- Upah: Kos membayar gaji pekerja.


Revenue Streams

- Menjual kek secara atas talian
- Menjual kek secara fizikal

Rajah 1.9 Antara Muka Maklumat Perniagaan bagi Laporan Usahawan

Apabila pengguna iaitu Ketua Komuniti log masuk ke dalam sistem dan klik ‘Laporan Komuniti’ pada bahagian navigasi bar, sistem akan memaparkan Rajah 1.10 iaitu antara muka bagi laporan Komuniti. Laporan Komuniti ini akan memaparkan trend jumlah jualan bagi perniagaan ahli komuniti, senarai aktiviti yang telah dianjurkan dan senarai ahli komuniti yang menunjukkan jumlah jualan dan penglibatan ahli komuniti. Tambahan lagi, di bahagian atas paparan laporan komuniti mempunyai fungsi pilih tempoh masa dan perniagaan yang boleh di klik oleh pengguna untuk menjana maklumat dalam laporan ini mengikut masa dan perniagaan dipilih.





Rajah 1.10 Antara Muka Laporan Komuniti

Seterusnya, pengguna iaitu pembimbing dapat melihat paparan rajah 1.11 iaitu laporan pembimbing apabila pengguna telah log masuk ke dalam sistem dan klik pada ‘laporan pembimbing’ di bahagian navigasi bar. Laporan Pembimbing ini mempunyai maklumat trend jam bimbingan yang merupakan masa sesi bimbingan bagi suatu perniagaan dari segi jam, serta maklumat tentang senarai mentee oleh pembimbing yang di log masuk. Tambahan lagi, di bahagian atas paparan laporan pembimbing mempunyai fungsi pilih tempoh masa dan perniagaan yang boleh di klik oleh pengguna untuk menjana maklumat dalam laporan ini mengikut masa dan perniagaan dipilih.

Smart SuriPreneur

Laporan Pembimbing

LAPORAN PEMBIMBING

Hidayah
+0132345678
hidayah@gmail.com
NO 9, JALAN SD 2, TAMAN SALAK DAMAI
43900

TARIKH
16 Julai 2024



Trend Jam Bimbingan

Graf semuaBulan 2024

JUMLAH JAM BIMBINGAN
2 JAM

Senarai Mentee

| BIL. | NAMA USAHAWAN | NAMA PERNIAGAAN | KATEGORI PERNIAGAAN | JUMLAH JUALAN | JUMLAH SESI | JUMLAH SESI |
|------|------------------------|-----------------|---------------------|---------------|-------------|--------------------|
| 1 | SITI SALEHA BINTI AZIZ | Snack's Yum | DESSERT | RM 5,480.00 | 15 | Secara Atas Talian |

2024© isuripreneur

Muat Turun Laporan

Rajah 1.11 Antara Muka Laporan Pembimbing

Cadangan Penambahbaikan

Selepas menjalankan kajian yang menyeluruh, cadangan untuk menambahbaik sistem ini pada masa hadapan adalah dengan mengembangkan sistem iSuripreneur ini kepada platform lain, iaitu aplikasi mudah alih. Sistem ini perlu dibangunkan dalam telefon pintar iaitu dijadikan aplikasi mudah alih kerana ia dapat menawarkan beberapa kelebihan. Pertama, aplikasi mudah alih meningkatkan kebolehcapaian pengguna dan memudahkan pengguna untuk mengakses sistem pada bila-bila masa melalui telefon pintar. Dengan menjadikan sistem ini kepada aplikasi mudah alih, ia akan menjangkau sasaran pengguna yang lebih luas dan meningkatkan potensi penglibatan harian oleh pengguna dan secara keseluruhan berupaya untuk memajukan keusahawanan di kalangan wanita B40.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sistem pelaporan iSuripreneur ini telah berjaya dibangunkan dengan menggunakan data yang telah dikaji dan diperolehi. Pengguna iaitu Usahawan B40, Ketua Komuniti dan Pembimbing telah berjaya menjanakan laporan yang diinginkan dengan data-data yang tepat. Isu yang dikenal pasti telah dilaporkan dan cadangan untuk penambahbaikan telah disediakan berdasarkan penemuan ujian. Objektif kajian dan keperluan yang telah ditetapkan sebelum ini telah berjaya dicapai. Walaupun terdapat beberapa halangan, ia berjaya diatasi menggunakan pelbagai cara.

Kekuatan Sistem

Kekuatan sistem ini ialah ia menawarkan kebolehan untuk menjanakan laporan ringkas dan terperinci dengan kehadiran fungsi penapisan julat masa dan kategori yang menyediakan data-data pelbagai dan kompleks. Laporan ini juga menyediakan visualisasi graf yang memberikan pandangan maklumat dari perspektif yang mudah difahami dan pengguna dapat membuat analisis daripada graf tersebut. Tambahan lagi, ketersediaan dengan pelbagai jenis laporan yang berkualiti membolehkan pengguna memilih laporan yang hendak dijana mengikut keperluan. Dari segi pembangunan, projek ini mempunyai kekuatan dalam mempunyai perkakasan yang mencukupi.

Kelemahan Sistem

Kekangan sistem ini ialah ia bergantung kepada talian internet untuk mengakses sistem ini dengan lancar kerana platform ini berasaskan web. Dari segi pembangunan pula, terdapat beberapa kelemahan seperti kekurangan data untuk penghasilan laporan. Namun, semua kekangan yang dinyatakan telah dapat diatasi.

PENGHARGAAN

Penulis kajian ini ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zulaiha Binti Ali Othman, penyelia penulis kajian ini yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Penulis kajian ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu terutamanya rakan sekumpulan projek Smart SuriPreneur bersama-sama bimbingan En Akram Norazlan, rakan-rakan seperjuangan (Sathveena, Haleeda, Khairina, Fatimah, Adam dan Yapp) serta tidak dilupakan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memberikan pandangan dan sudi berkongsi pengetahuan di sepanjang menjalankan projek ini. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan mereka, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga tuhan merahmati dan memberikan balasan yang terbaik.

RUJUKAN

Nizal, H. 2023. Kerajaan sedia bantu golongan wanita yang ingin menceburi bidang keusahawanan - Sarawak News Network. Sarawak News Network. <https://sarawaknewsnetwork.com/kerajaan-sedia-bantu-golongan-wanita-yang-ingin-menceburi-bidang-keusahawanan/>

Misrani, S. Z. 2023. Medan perkasa ekonomi wanita B40 Selangor. Kosmo Digital. <https://www.kosmo.com.my/2023/06/02/medan-perkasa-ekonomi-wanita-b40- selangor/>

V. 2023. Agile Methodology: Embracing Flexibility, Collaboration, and Continuous Improvement for Effective Project Management - Visual Paradigm Guides. Visual Paradigm Guides. <https://guides.visual-paradigm.com/agilemethodology-embracing-flexibility-collaboration-and-continuous-improvementfor-effective-project-management/>

Melanie. 2023. Why Business Reporting is Important for Business Success. Unleashed Software. <https://www.unleashedsoftware.com/blog/why-businessreporting-is-important-for-business-success>

Ezreena Arisyah Binti Johar (A188377)

Prof. Madya Dr. Zulaiha Binti Ali Othman

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia